

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**
DARIPADA : **DATO' SRI DR. HAJI IRMOHIZAM BIN**
HAJI IBRAHIM
KAWASAN : **KUALA SELANGOR**
TARIKH : **3 OGOS 2017**
NO. SOALAN : **208**

SOALAN

DATO' SRI DR. HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah strategik yang akan diambil bagi menjayakan kerjasama pihak Zhejiang Geely Holding Group Co. Ltd. China dan Proton Holdings Bhd. dalam usaha menguasai segmen pasaran pemanduan kanan di Asia Tenggara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerjasama strategik di antara PROTON dan Geely, salah sebuah syarikat automotif China yang terbesar telah diumumkan pada 23 Jun 2017. Kerjasama strategik ini akan memberi impak yang positif kepada industri automotif negara selain dari membuktikan keyakinan pelabur asing terhadap Malaysia.

Dengan termeterainya perkongsian strategik bersama Geely, perancangan seterusnya adalah untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti transformasi ke atas PROTON bagi memulihkan perniagaannya.

Ini termasuk:

- a) pemindahan teknologi automotif termasuk perkongsian platform dan pengetahuan pengurusan bagi membolehkan PROTON meraih skala-ekonomi yang lebih besar untuk bersaing di pasaran tempatan dan antarabangsa;
- b) mengembangkan perniagaan PROTON di pasaran antarabangsa terutamanya di rantau ASEAN, Asia Barat dan Afrika Utara sehingga mencapai jualan sebanyak 500,000 unit setahun dalam tempoh 10 tahun; dan
- c) meningkatkan nilai jenama PROTON sebagai kereta nasional dengan keupayaan pertumbuhan yang tidak terhad dan mensasarkan pertambahan pekerja sehingga 20,000 orang dalam tempoh 10 tahun.

Kerjasama strategik ini juga akan menjadikan kilang pemasangan PROTON di Tanjung Malim, Perak sebagai hab pengeluaran bagi kereta pemanduan kanan Geely di rantau ASEAN.

Geely juga merupakan salah satu pengeluar kereta terkemuka di China. Syarikat tersebut mempunyai rekod jualan sebanyak 1.2 juta unit setahun dan mengeksport ke 23 buah negara serta mencatat pendapatan tahunan sebanyak US\$30 bilion. Pengalaman dan kepakaran ini akan membantu PROTON dalam menguasai pasaran di Asia Tenggara.

Di samping itu, melalui kepakaran serta teknologi yang dimiliki Geely, perkongsian strategik ini akan membuka peluang kepada PROTON

untuk menjadi hub pengeluaran global kereta bagi pasaran pemanduan kanan di rantau ASEAN serta pasaran yang menggunakan pemanduan kanan seperti United Kingdom, India dan Australia.

Sekian, terima kasih.